

---

# **SIJIL KETUA AUDIT NEGARA PENDAPAT BERTEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEKASAN PERKARA (USAHA BERTERUSAN)**

## **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

---

### **1. LATAR BELAKANG**

1.1. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta 673*] yang diwartakan dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2008. Selain itu, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta 672*] telah dikuatkuasakan pada 1 September 2011 bagi tujuan pengawalseliaan perkara yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan. Antara fungsi utama SWCorp adalah untuk melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

1.2. Bagi melaksanakan fungsi tersebut, Kerajaan Persekutuan diwakili oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta SWCorp telah melantik tiga syarikat melalui Perjanjian Konsesi bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Tempoh konsesi adalah 22 tahun yang berkuat kuasa mulai 1 September 2011 hingga 31 Ogos 2033. Perjanjian ini melibatkan enam negeri dan Wilayah Persekutuan meliputi 52 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Di bawah Perjanjian ini, Kerajaan Persekutuan menyalurkan geran kepada SWCorp bagi membayar perkhidmatan syarikat konsesi. Selain itu, Perjanjian Tiga Pihak (Tripartite Agreement) telah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dengan enam Kerajaan Negeri dan PBT. Melalui perjanjian tersebut, PBT bersetuju memberi sumbangan dana pengurusan pada kadar tertentu kepada Kerajaan Persekutuan melalui SWCorp bagi membiayai kos perkhidmatan syarikat konsesi.

1.3. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan SWCorp Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 telah dimuktamadkan dan telah diberikan **Sijil Ketua Audit Negara Pendapat Bertegur dengan Perenggan Penekasan Perkara dan Hal-hal Lain**. Pendapat Bertegur yang diberikan adalah berkaitan kesalahan perekodan transaksi perakaunan yang material, manakala Perenggan Penekasan Perkara berkaitan usaha berterusan dan Perenggan Hal-hal Lain mengenai pengurusan kutipan Akaun Belum Terima serta perbezaan baki antara Akaun Belum Bayar SWCorp dengan syarikat konsesi.

1.4. Pada tahun 2023, jumlah aset dan liabiliti SWCorp masing-masing berjumlah RM691.79 juta (2022: RM759.86 juta) dan RM831.94 juta (2022: RM854.47 juta). Ini menyebabkan SWCorp telah merekodkan kedudukan Liabiliti Bersih, iaitu jumlah liabiliti melebihi jumlah aset berjumlah RM140.15 juta (2022: RM94.61 juta). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1**.



Sumber: Penyata Kewangan SWCorp bagi Tahun 2021 hingga 2023

## 2. KEDUDUKAN LIABILITI BERSIH

2.1. Kedudukan liabiliti SWCorp semakin meningkat berbanding aset bagi tempoh tahun 2021 hingga 2023. Pada tahun 2023, SWCorp merekodkan **kedudukan Liabiliti Bersih** sejumlah RM140.15 juta berbanding RM94.61 juta pada tahun 2022 dan RM7.42 juta pada tahun 2021. Keadaan ini menunjukkan aset SWCorp tidak dapat menampung liabiliti dalam tempoh jangka panjang. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1  
LIABILITI BERSIH**

ITEM	TAHUN		
	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Aset	691.79	759.86	796.67
Liabiliti	831.94	854.47	804.09
<b>LIABILITI BERSIH</b>	<b>140.15</b>	<b>94.61</b>	<b>7.42</b>
<b>PENINGKATAN LIABILITI BERSIH</b>	<b>45.54</b>	<b>87.19</b>	
<b>PERATUS PENINGKATAN</b>	<b>48.1%</b>	<b>1,175%</b>	

Sumber: Penyata Kewangan SWCorp bagi Tahun 2021 hingga 2023

2.2. SWCorp turut merekodkan kedudukan **Liabiliti Semasa Bersih** berjumlah RM145.87 juta, iaitu liabiliti semasa melebihi aset semasa. Kedudukan Liabiliti Semasa Bersih menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 44% berbanding tahun 2022. Liabiliti semasa yang tinggi pada tahun 2023 disebabkan oleh pemiutang syarikat konsesi berjumlah RM681.78 juta (2022: RM681.06 juta). SWCorp belum menyelesaikan pembayaran kepada syarikat konsesi berikutan terdapat perbezaan baki amaun pemiutang yang tidak dipersetujui oleh SWCorp. Pada tahun kewangan 2023, perbezaan amaun ini masih belum dimuktamadkan dan dalam tindakan penyelesaian dengan syarikat konsesi.

2.3. Setakat 31 Disember 2023, aset semasa SWCorp berjumlah RM581.17 juta yang terdiri daripada komponen tertinggi, iaitu Tunai dan Kesetaraan Tunai berjumlah RM217.21 juta (37.4%) dan tunggakan Akaun Belum Terima berjumlah RM301.62 juta (51.9%).

2.4. Akaun Belum Terima yang dilaporkan di bawah aset semasa setakat 31 Disember 2023 berjumlah RM301.62 juta (2022: RM347.29 juta) telah menunjukkan penurunan sejumlah RM45.67 juta (13.1%). Daripada Akaun Belum Terima sejumlah RM301.62 juta tersebut, sejumlah RM291.11 juta (96.5%) merupakan tunggakan sumbangan yang belum diterima daripada PBT untuk Kumpulan Wang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (KWPSPPA). Berdasarkan rekod SWCorp, tunggakan sumbangan kasar daripada PBT pada tahun 2023 adalah sejumlah RM521.92 juta (2022: RM561.78 juta). Bagaimanapun, terdapat perbezaan amaun yang direkodkan oleh PBT yang perlu diselesaikan oleh kedua-dua pihak. Semakan lanjut mendapati SWCorp telah memperuntukkan hutang ragu pada tahun 2023 berjumlah RM230.81 juta (2022: RM214.84 juta) bagi tunggakan sumbangan PBT, iaitu sebanyak 44.2% daripada keseluruhan tunggakan penghutang KWPSPPA.

2.5. Keadaan ini menunjukkan aset semasa SWCorp seperti Tunai dan Kesetaraan Tunai dan Akaun Belum Terima Bagi Urus Niaga Pertukaran tidak dapat menampung liabiliti semasa dalam tempoh jangka pendek. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**LIABILITI SEMASA BERSIH**

ITEM	TAHUN		
	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Aset Semasa	581.17	645.56	679.47
Liabiliti Semasa	727.04	746.85	694.87
<b>LIABILITI SEMASA BERSIH</b>	<b>145.87</b>	<b>101.29</b>	<b>15.40</b>

Sumber: Penyata Kewangan SWCorp bagi Tahun 2021 hingga 2023

2.6. Nisbah kecairan SWCorp menunjukkan **bagi setiap RM1 liabiliti semasa, SWCorp hanya mempunyai RM0.80 aset semasa untuk menampung liabiliti tersebut berbanding RM0.86 pada tahun 2022.** Ini menunjukkan **SWCorp menghadapi kesukaran untuk membayar hutang jangka pendek.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.**

**JADUAL 3  
ANALISIS NISBAH KECAIRAN BAGI TAHUN 2023 DAN 2022**

ITEM	TAHUN	
	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Aset Semasa (a)	581.17	645.56
Liabiliti Semasa (b)	727.04	746.85
<b>*NISBAH KECAIRAN (a/b)</b>	<b>0.80</b>	<b>0.86</b>

Sumber: Penyata Kewangan SWCorp bagi Tahun 2022 dan 2023

Nota: \*Nisbah Kecairan - menilai kemampuan agensi membayar hutang jangka pendek dengan aset semasa yang dimilikinya

2.7. SWCorp mempunyai komitmen kewangan yang signifikan, iaitu Akaun Belum Bayar di bawah liabiliti semasa yang perlu dijelaskan dalam tempoh jangka pendek berjumlah RM718.60 juta (2022: RM741.21 juta). Akaun Belum Bayar tersebut terdiri daripada pemiutang syarikat konsesi berjumlah RM681.78 juta yang perlu dibayar dalam tempoh jangka pendek.

2.8. Kedudukan nisbah kecairan yang kurang daripada RM1 serta komitmen bayaran kepada pemiutang berbanding kecairan tunai menunjukkan wujud ketidakpastian terhadap keupayaan SWCorp untuk meneruskan operasi berdasarkan usaha berterusan.

### **Maklum Balas SWCorp diterima pada 15 November 2024**

Bagi menangani liabiliti bersih yang semakin meningkat, SWCorp akan membuat pelarasan isu-isu yang disenaraikan dengan segera sebelum penutupan akaun. SWCorp telah merujuk isu Akaun Belum Bayar melibatkan syarikat konsesi kepada Kementerian Kewangan (MoF). MoF telah mengeluarkan surat supaya SWCorp membuat bayaran dan syarikat konsesi perlu mengeluarkan nota kredit. Namun, keputusan yang dibuat oleh MoF tersebut masih tidak dipersetujui oleh syarikat konsesi. Oleh itu, SWCorp akan membawa isu ini kepada Dispute Resolution Committee (DRC) dan seterusnya ke peringkat arbitrase sekiranya masih tiada penyelesaian.

## **Maklum Balas Kementerian Kewangan diterima pada 21 Januari 2025**

Setiap kementerian, agensi dan badan berkanun perlu memohon peruntukan mengurus atau pembangunan mengikut prosedur yang ditetapkan. Permohonan perlu dinilai dan diunjurkan dengan teliti semasa sesi penilaian kedudukan kewangan antara MoF dan Kementerian Ekonomi.

Bagi isu tuntutan yang dimaklumkan secara *ad-hoc*, perkara tersebut turut memberi bebanan kepada MoF, terutama untuk komitmen yang sepatutnya diselesaikan pada tahun sebelumnya. MoF menegaskan pihak berkaitan perlu lebih peka dan meletakkan inisiatif yang lebih agresif agar isu ini tidak berulang. MoF juga hanya menerima satu tuntutan dari konsesi dan tidak dimaklumkan mengenai hutang-hutang lain. Ini menimbulkan kebimbangan mengenai kewujudan hutang yang tidak diketahui dan berisiko menyebabkan kerugian kewangan sekiranya terdapat hutang yang tidak dapat dikutip.

Dalam hal ini, SWCorp sewajarnya mengoptimumkan peruntukan yang telah diluluskan melalui penyusunan keutamaan perbelanjaan/komitmen penting dan memastikan perbelanjaan yang dibuat tidak melebihi siling yang diperuntukkan. MoF mengambil maklum bahawa masih terdapat banyak tunggakan kutipan sumbangan daripada PBT walaupun telah ditetapkan dalam Perjanjian Tiga Pihak (Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan PBT) bahawa PBT perlu memberi sumbangan pada kadar yang telah dipersetujui kepada Kerajaan Persekutuan melalui SWCorp.

MoF menegaskan bahawa sekiranya berlaku kecuaiian dalam pengurusan kerja luar kontrak, surcaj perlu dikenakan kepada pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan pengurusan yang lebih teratur dan mengelakkan kerugian kewangan kepada Kerajaan. Badan berkanun dan agensi juga diminta lebih peka dan mematuhi prosedur kontrak. Siasatan dalaman dan langkah pencegahan yang lebih tegas perlu diambil bagi memastikan pengurusan kewangan yang lebih cekap dan teratur pada masa hadapan.

### **3. KECAIRAN TUNAI**

3.1. Kedudukan Tunai dan Kesetaraan Tunai SWCorp terdiri daripada Tunai di Tangan dan di Bank serta Simpanan Tetap pada 31 Disember 2023 berjumlah RM217.21 juta (2022: RM279.66 juta) telah menunjukkan penurunan sejumlah RM62.45 juta (22.3%) berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan tunai telah digunakan untuk aktiviti operasi bagi pembayaran kepada pemiutang perkhidmatan operasi fasiliti pada tahun 2023.

3.2. Pihak Audit mendapati komitmen bayaran kepada syarikat konsesi berbanding kecairan tunai menunjukkan wujud ketidakpastian terhadap keupayaan SWCorp untuk meneruskan operasi berdasarkan usaha berterusan.

### **Maklum Balas SWCorp diterima pada 15 November 2024**

Bagi isu tunggakan sumbangan PBT, KPKT dan SWCorp sentiasa dari semasa ke semasa melaksanakan tindakan tegas dan proaktif terhadap tuntutan sumbangan daripada pihak PBT. Antara tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- a. Cadangan pembayaran secara ansuran oleh PBT.
- b. Bekerjasama dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara bagi mendapatkan peruntukan bantuan kewangan kepada PBT yang kurang berkemampuan.
- c. Bekerjasama dengan Jabatan Kerajaan Tempatan bagi mendapatkan penyaluran 50% Sumbangan Membantu Kadar.
- d. Kerajaan Negeri akan melunaskan sebahagian tunggakan sumbangan oleh PBT melalui penyaluran geran secara terus ke KWSPPA.
- e. Bagi negeri-negeri baharu yang akan menerima pakai Akta 672, klausa perjanjian dicadangkan untuk PBT membuat bayaran deposit sumbangan tiga bulan dibayar secara penuh atau ansuran selama setahun.

## **4. KEBERGANTUNGAN KEPADA GERAN KERAJAAN**


4.1. Pada tahun 2023, SWCorp telah merekodkan hasil berjumlah RM2.240 bilion (2022: RM2.178 bilion) yang meliputi geran mengurus dan geran yang dilunaskan sejumlah RM1.545 bilion (2022: RM1.498 bilion), iaitu mewakili 69% daripada jumlah hasil SWCorp. SWCorp menerima geran Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.545 bilion dalam tahun 2023, meningkat sejumlah RM46.63 juta (3.1%) berbanding RM1.498 bilion pada tahun 2022. Bagi tempoh tahun 2021 hingga 2023, geran Kerajaan Persekutuan yang diterima oleh SWCorp adalah melebihi 65% daripada jumlah hasil keseluruhan SWCorp. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4** dan **Carta 2**.

**JADUAL 4**  
**PERBANDINGAN HASIL DENGAN**  
**TERIMAAN GERAN KERAJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2021 HINGGA 2023**

TAHUN	HASIL (RM Juta)	TERIMAAN GERAN KERAJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
2023	2,240.20	1,544.77	69.0
2022	2,178.45	1,498.14	68.8
2021	2,145.25	1,487.27	69.3

Sumber: Penyata Kewangan SWCorp bagi Tahun 2021 hingga 2023

**CARTA 2**  
**HASIL SWCORP BAGI TEMPOH TAHUN 2021 HINGGA 2023**




Sumber: Penyata Kewangan SWCorp bagi Tahun 2021 hingga 2023

4.2. Pada tahun 2023, perbelanjaan SWCorp adalah berjumlah RM2.294 bilion (2022: RM2.266 bilion) berbanding hasil pada tahun 2023 berjumlah RM2.240 bilion (2022: RM2.178 bilion). Perbelanjaan operasi SWCorp yang tinggi berbanding hasil menyebabkan SWCorp merekodkan kurangan tahun semasa berjumlah RM53.90 juta (2022: RM87.20 juta). Sebahagian besar perbelanjaan operasi adalah daripada belanja Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam sebanyak RM2.014 bilion pada tahun 2023 (2022: RM1.969 bilion) yang merupakan antara punca Kurangan Selepas Cukai bagi SWCorp.

4.3. SWCorp juga telah mengalami kerugian untuk tempoh tiga tahun berturut-turut. Perbandingan antara hasil dan perbelanjaan serta kerugian SWCorp bagi tempoh tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti dalam **Carta 3**.

**CARTA 3  
PERBANDINGAN HASIL, PERBELANJAAN DAN KURANGAN SELEPAS CUKAI  
BAGI TEMPOH TAHUN 2021 HINGGA 2023**



Sumber: Penyata Kewangan SWCorp bagi Tahun 2021 hingga 2023

4.4. Secara keseluruhannya, terimaan geran Kerajaan Persekutuan dan pendapatan janaan SWCorp tidak dapat menampung perbelanjaan operasi SWCorp walaupun terdapat peningkatan geran yang diterima pada tahun 2023. Perkara ini disebabkan faktor peningkatan perbelanjaan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

#### **Maklum Balas SWCorp diterima pada 15 November 2024**

Antara punca utama masalah ini adalah kutipan balik hutang-hutang yang masih belum selesai. SWCorp sedang dalam usaha merangka strategi mengurangkan kebergantungan kepada geran Kerajaan Persekutuan pada masa hadapan.

### **5. RUMUSAN**

Berdasarkan kedudukan kewangan SWCorp setakat 31 Disember 2023, wujud ketidakpastian terhadap keupayaan SWCorp untuk meneruskan operasi berdasarkan usaha berterusan. Baki Tunai dan Kesetaraan Tunai tidak berupaya untuk menampung pembayaran kepada pemiutang syarikat konsesi. Terimaan geran tahunan daripada Kerajaan Persekutuan dan pendapatan janaan SWCorp juga masih tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan operasi SWCorp. Kemampuan SWCorp menampung kos operasi dan komitmen kewangan pada masa hadapan adalah bergantung kepada tambahan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan.



## **6. SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut diambil:

6.1. SWCorp perlu menentukan hala tuju yang jelas serta mekanisme yang efektif untuk menjana pendapatan sendiri supaya dapat terus beroperasi dengan prestasi kewangan yang kukuh tanpa kebergantungan yang tinggi kepada bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan; dan

6.2. SWCorp perlu memastikan tindakan penyelesaian diambil terhadap perbezaan baki Akaun Belum Terima yang direkodkan antara SWCorp dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan bagi memastikan hasil Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dapat dikutip dengan sewajarnya. Selain itu, SWCorp juga perlu mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan perbezaan baki Akaun Belum Bayar yang direkodkan antara SWCorp dan syarikat konsesi yang dilantik.